



Anwar bersama Amir Hamzah (tiga dari kiri) pada Forum Global Ekonomi dan Kewangan Islam dengan tema Ekonomi Islam Global: Agenda Reformasi Untuk Kesejahteraan Bersama di Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO BERNAMA)

RM3b Dana Pemacu untuk pelaburan patuh syariah

Komitmen KWAP sokong pertumbuhan tinggi syarikat tempatan

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) akan melabur sehingga RM3 bilion dalam pelaburan patuh syariah melalui Dana Pemacu.

Perdana Menteri berkata, pelaburan mewakili 50 peratus daripada keseluruhan RM6 bilion komitmen modal Dana Pemacu itu bertujuan untuk menyokong pertumbuhan tinggi syarikat tempatan Malaysia, selain memangkin ekosistem pelaburan teroka.

Dana Pemacu akan menjadi strategi pelaburan ekuiti swasta tertumpu Malaysia yang menyasarkan sektor ekonomi utama termasuk keterjaminan makanan, pendidikan, penjagaan kesihatan, peralihan tenaga, ekonomi digital, keterangkuman kewangan dan tema kritikal berkaitan impak lain di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI.

Ia akan dilaksanakan menerusi dana-dana Akaun Terurus Berasingan (SMA) dengan kerjasama antara bakat tempatan dan pengurus pelaburan antarabang-

sa merangkumi tiga kelas aset berlainan iaitu ekuiti swasta, infrastruktur dan hartanah.

Perdana Menteri berkata, pelaburan patuh Syariah diumumkan itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan dan dipergiatkan untuk meningkatkan ekosistem pelaburan di Malaysia.

Selain itu, beliau berkata Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) akan menubuhkan 'Social Exchange' pertama di Malaysia, pendekatan berstruktur untuk penyertaan modal swasta dalam projek dengan hasil sosial yang positif.

"Ini akan memberi manfaat kepada entiti seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), perusahaan sosial dan Majlis Agama Islam Negeri.

"Saya juga berbesar hati memperkenalkan dimensi baharu kepada terbitan sukuk kita di bawah kerajaan Malaysia melalui struktur wakalah 'bil-khadamat'.

"Kita merancang untuk memuktamadkan sukuk ini menjelang 2025, sambil berusaha untuk menyelesaikan semua pengaturcaraan dan penyediaan yang diperlukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tama pada Forum Global Ekonomi dan Kewangan Islam dengan tema Ekonomi Islam Global: Agenda Reformasi Untuk Kesejahteraan Bersama di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan terus berinovasi ke atas struktur sukuk terutama bagi memenuhi keperluan peralihan iklim dan tenaga bersama-sama dengan ke-

mampanan, membangunkan inovasi lalu seperti struktur sukuk ihsan pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI) dan terkait dengan wakaf.

"Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (IBFC) melalui inisiatif Pusat Aset Digital Islam (IDAC) akan secara aktif mengumpul dan melabur dana secara digital berdasarkan teknologi *blockchain*, dengan memulakan token yang disokong oleh aset Islam dan juga *sandbox* kewangan digital Islam.

"Akhir sekali, saya ingin metujui industri perbankan Islam atas ikrar bersama mereka sebanyak RM2.67 bilion dalam kemudahan pembiayaan terjamin melalui Platform Bersepadu Halal oleh Halal Development Corporation Bhd (HDC) untuk menyokong pembangunan industri halal di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata pelancaran Dana Pemacu oleh KWAP adalah sejajar dengan pembaharuan meluas oleh kerajaan untuk mengoptimumkan dana-dana institusi syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) ke dalam syarikat-syarikat pertumbuhan tinggi Malaysia, menyumbang kepada inisiatif 'Menaikkan Siling' di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI.

"Pendekatan kerjasama pengurus pelaburan antarabangsa dan domestik Dana Pemacu akan membantu mengukuhkan ekosistem pasaran swasta Malaysia," katanya.